

**16141**

Norazit Selat (editor). Negeri Sembilan: dahulu dan sekarang. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, Muzium Negara, 1990.

## Dato' Abdullah Bin Haji Dahan: Undang Rembau, 1922—38

A. AZMI ABDUL KHALID\*

**D**ATO' ABDULLAH adalah Undang Rembau yang ke-18.<sup>1</sup> Dalam hayatnya Dato' Abdullah merupakan di antara segelintir pemimpin Melayu yang telah banyak memberi sumbangan kepada usaha kolektif bagi memperbaiki kehidupan orang Melayu khususnya pada 1920-an dan 1930-an di Semenanjung Tanah Melayu.<sup>2</sup> Artikel ini menumpukan perhatian kepada usaha beliau dalam bidang ekonomi dan sosial pada tahap tersebut.

Zaman Dato' Abdullah memimpin sebagai Undang Rembau adalah zaman di antara perang (*interwar years*). Untuk memahami kegiatan serta pemikiran beliau kita harus memahami perubahan asas dalam ekonomi Semenanjung Tanah Melayu pada tahap yang berkenaan. Perkembangan-perkembangan penting dalam periode tersebut sebenarnya merujuk kepada tahap 1919 (selepas tamat Perang Dunia Pertama) hingga 1939 (sebelum tercetus Perang Dunia Kedua). Dari sudut ekonomi tahap-tahap berikut boleh dikesan: 1919—20 (zaman melambong/*boom*); 1921—22 (zaman meleset/*slump*); 1923—28 (zaman melambong/*boom years*); 1929—33 (Kemelesetan Besar/*Great Depression*) dan 1934—39 (zaman pemulihan/*recovery years*). Apa yang menarik adalah pada tiap tahap yang berkenaan keadaan ekonomi dunia yang berubah-ubah sentiasa mempengaruhi (secara langsung atau tidak langsung) arus serta corak perkembangan ekonomi negeri-negeri Melayu.<sup>3</sup> Ini adalah melalui saluran perdagangan yang bergantung kepada pengeksporatan getah asli dan bijih timah. Jika diperincikan perkara ini, dasar-dasar kolonial di Semenanjung Tanah Melayu antara 1919—39 khususnya banyak dipengaruhi oleh persepsi pentadbir-pentadbir Inggeris terhadap perkembangan-perkembangan dalam industri getah dan bijih timah yang berkait rapat dengan struktur ekonomi

\* Pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

1 Beliau menggantikan Haji Sulong bin Ambia yang dipecat.

2 Antara lain, contohnya Raja Chulan dan Yunos Abdullah.

3 Idea ini bermartabakan model ekonomi eksport klasik dalam rangkaian ekonomi dunia yang saling berkait. Lihat, misalnya David Lim, *Economic Growth And Development In West Malaysia, 1947—1970*, (Kuala Lumpur: 1973), hlm. 13.

antarabangsa.<sup>4</sup> Oleh demikian isu-isu penting dalam hubungan antara pemimpin-pemimpin Melayu dan pentadbiran Inggeris banyak ditimbulkan oleh suasana serta keadaan ekonomi tempatan dalam konteks rangkaian ekonomi dunia.<sup>5</sup> Perkara ini menjadi lebih jelas jika dikaji kegiatan Dato' Abdullah.

Dato' Abdullah adalah daripada suku Biduanda Waris DiRaja. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kota di Rembau dan kemudian melanjutkan pelajaran di Maktab Melayu Kuala Kangsar hingga 1921. Selepas itu beliau telah bekerja sebagai pegawai Koperatif hingga dilantik sebagai Undang Rembau pada 18 Ogos 1922.<sup>6</sup> Diperingkat tempatan (iaitu di Rembau) peranan beliau sebagai Undang telah membawa banyak perubahan serta kontroversi — misalnya pertingkahannya dengan Dato'-Dato' Lembaga,<sup>7</sup> terutama Dato' Gempa Zakaria dan bekas Undang Rembau, Haji Sulong bin Ambah tentang selok-belok adat yang merujuk kepada fungsi Dato'-Dato' Lembaga.<sup>8</sup> Sebenarnya apa yang dipertikaikan adalah antara tradisi dalam adat dan perubahan ke atas satu aspek dalam tradisi adat yang dilaksanakan oleh Dato' Abdullah. Ia adalah pertembungan antara dua *world-views* yang berbeza tentang perkara yang sama.<sup>9</sup> Pada pandangan Dato' Abdullah Dato'-Dato' Lembaga tidak memahami ruang dan maksud tanggungjawab mereka sebagai orang-orang penting yang dilantik untuk membantu Undang dalam hal-hal bersangkutan paut dengan adat. Keadaaan tersebut telah menjadi sukar kerana adat perpatih tidak tertulis secara teratur:

... the Adat has not been recorded on paper and indeed no record of it exist anywhere, except in tradition in the course of there being handed down from our generation to another.<sup>10</sup>

Oleh demikian wujud banyak peluang untuk menyalahgunakan adat tersebut. Malah, pihak Lembaga yang tidak jujur atau pun tidak faham fungsi mereka dalam konteks adat yang tidak direkodkan boleh memanipulasikan keadaan sebenar. Tetapi masalah utama bagi Dato' Abdullah adalah bagaimana calon-calon terbaik boleh dilantik sebagai Dato'-Dato' Lembaga. Keraguan beliau dalam hal ini disuarakan seperti berikut:

There is no denying of the fact that the most effective remedy .... is the appointment of the best type of man to the office of the Lembaga .... The selection and appointment of such persons will be for the true interest of Rembau and the welfare of her people

4 Lihat John H. Drabble, *Rubber in Malaya, 1876—1922* (Kuala Lumpur: 1973) dan Yip Yat Hoong, *The Development of the Tin Mining Industry of Malaya* (Kuala Lumpur: 1969).

5 Misalnya, isu Tanah Simpanan Melayu (TSM) dan kempen meningkatkan penanaman padi 1930-an adalah kesan langsung daripada zaman meleset 1929—33 yang mempengaruhi ekonomi dunia kapitalis secara umum.

6 Keterangan lanjut tentang institusi Undang di Negeri Sembilan boleh dilihat dalam Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih* (Kuala Lumpur: 1982), hlm. 64—69.

7 Ibid., hlm. 72—74.

8 Zuraiddah bt. Haji Muhammed, Datuk Abdullah bin Haji Dahan, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1976, hlm. 28—35.

9 Konsep "World-view" dalam masyarakat Melayu boleh dilihat dalam Mohd. Taib Osman, "The Traditional Malay Socio-Political World-View", Mohd. Taib Osman, ed., *Malaysian World-View* (Singapore: 1985).

10 Zuraiddah Haji Muhammed, hlm. 34.

morally, intellectually and economically .... At present the great majority of them help nobody at all; neither the government nor the Undang.<sup>11</sup>

Namun begitu, menurut satu tafsiran, saranan beliau tentang perlantikan Dato'-Dato' Lembaga "yang berpendidikan baik tidak dapat diterima oleh masyarakat Rembau ketika itu kerana pemilihan Dato' Lembaga berdasarkan keturunan seseorang bukannya kelayakan mereka".<sup>12</sup> Tetapi jika berpandukan kriteria Dato' Abdullah, idea *best type of men* tidak semestinya mereka yang berpelajaran. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh beliau adalah orang-orang yang adil dan tegas walaupun mereka layak menjadi pentadbir adat. Ini jelas dilihat dalam kritikan beliau:

Their [Dato'-Dato' Lembaga] self-interest nature, always are before justice, fair and impartial dealings and they always ignore the real Adat in order to gain personal advantage and benefit.<sup>13</sup>

Mungkin dalam konteks ini Dato' Abdullah mementingkan kelincinan pentadbiran Adat tanpa mengambil kira politik kampung di bawah sistem Adat. Penekanan keatas jentera pentadbiran yang efisyen adalah selari dengan komitmen beliau untuk memajukan orang Melayu di daerahnya. Justeru itu, kehadiran Dato'-Dato' Lembaga yang tidak cekap dan kurang jujur dari segi tanggungjawab menjadi penghalang kepada usaha-usaha meninggikan kedudukan sosial dan ekonomi masyarakat Melayu.

Komitmen ini adalah ketara apabila dikaji peranan Dato' Abdullah di peringkat persekutuan ("federal") iaitu berdasarkan entiti (*Federated Malay States*) khususnya dalam Majlis Persekutuan (*Federal Council*). Beliau telah menjadi ahli "tidak rasmi" Majlis Persekutuan pada 23 April 1927.<sup>14</sup> Selain daripada Dato' Abdullah, tiga lagi ahli-ahli Melayu yang dilantik adalah Rajah Chulan (Raja di Hiliar Perak), Tengku Musa'eddin (Raja Muda Selangor) dan Tengku Sulaiman (Tengku Besar Pahang). Di kalangan mereka, Dato' Abdullah dan Raja Chulan merupakan pemimpin-pemimpin Melayu yang paling lantang dalam majlis tersebut.<sup>15</sup> Akhbar *The Times of Malaya* juga memperakui hakikat tersebut.

Dato' Sedia Raja Abdullah bin Haji Dahan, Undang of Rembau C.B.E. is a member of the Federal Council. He is the ablest Malay in the country and has shown by his speeches in Council that he is likely to be a stalwart and a champion of the Malays as the late Raja Chulan was....<sup>16</sup>

Di antara isu-isu ekonomi dan sosial yang ditimbulkan oleh Dato' Abdullah di Majlis Persekutuan kebanyakannya difokuskan kepada tanah, syarikat kerjasama, penanaman padi, pendidikan dan pekerjaan untuk orang Melayu dalam jentera pentadbiran kolonial. Melalui penyoalan secara konsisten, Dato' Abdullah sering meminta butir-butir dan maklumat yang terperinci daripada pentadbiran British bagi membuktikan bahawa pihak kolonial telah,

11 Ibid., hlm. 34—35.

12 Ibid., hlm. 39

13 Ibid., hlm. 28.

14 *Federal Council Proceedings (FCP)*, 28 Februari 1927.

15 William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism* (New Haven and London: 1967), hlm. 202.

16 Zuraidah Haji Muhammed, hlm. 73.

sedang atau akan berusaha untuk memperbaiki kebajikan ekonomi dan sosial Melayu secara “*committed*” dan berterusan. Sehubungan dengan hal ini, apakah tanggapan Dato’ Abdullah terhadap status ekonomi masyarakat Melayu umumnya? Jawapannya boleh dilihat dalam dua petikan daripada ucapannya di Majlis Persekutuan pada 28 Februari 1927:

We Malays are quite aware of the fact that the prosperity of this country is very largely due to the initiative, enterprise and capital of non-Malays. But I think.... the claims of the Malays in future when they developed sufficient sense and are equipped to embark on commercial undertaking should be considered at present.<sup>17</sup>

This country had developed so quickly that a young race like the Malays has not, by reason of its economic position, been able to take as much share in its agricultural development as other people. But there is, in my opinion, no reason why there should not in due time develop in the Malays sufficient commercial spirit which will enable them, either individually or collectively, to open up land on a considerable scale and develop ... the development of which may enable the Malays to compete on an equal footing with other people....<sup>18</sup>

Dari petikan-petikan di atas, Dato’ Abdullah seolah mengakui hakikat bahawa kedudukan ekonomi orang Melayu masih jauh di belakang bangsa-bangsa lain. Namun begitu, tersirat dalam pandangan beliau adalah suatu realisme iaitu masyarakat Melayu perlu diberi peluang, galakan serta bantuan yang konkret demi untuk mengerakkan mereka ke suatu arah yang lebih terjamin di masa depan. Ini boleh ditafsirkan sebagai satu pengakuan yang dipengaruhi oleh realiti ekonomi dalam hayat beliau. Situasi tersebut menjadi lebih jelas jika diperincikan pemikiran Dato’ Abdullah tentang tanah, pertanian dan orang Melayu. Sejak Undang-undang Tanah Simpanan Melayu 1913 diperkenalkan, isu tanah dan masyarakat Melayu sering dibincang di kalangan pentadbiran kolonial hingga penggubalan Undang-Undang Tanah Simpanan Melayu 1933.<sup>19</sup> Malah, sejak permulaan abad ke-20-an Syed Sheikh Al-Hadi “telah menulis mengenai kepentingan tanah bagi orang Melayu.”<sup>20</sup> Walaupun demikian, konteks dalam masa Dato’ Abdullah mengutarakan tentang hal tanah agak berbeza. Minat serta pengertiannya tentang tanah dan orang Melayu ada hubungan dengan pengalamannya sebagai pengawal koperasi sebelum menjadi Undang. Tambahan pula, tanah kepada Dato’ Abdullah adalah suatu sumber ekonomi orang Melayu untuk memajukan pertanian. Beliau pernah berkata kepada seorang sahabat karibnya, Mohd. Yusof bin Ahmad bahawa sekurang-kurangnya di Rembau, tanah perlu dimajukan melalui pertanian dan bukan dengan penggalian bijih timah.<sup>21</sup> Pandangan ini sekali gus bercorak *romantic/rustic* dan menunjukkan unsur-unsur pengekalan (*conservation*) dari sudut ekologi.

Pada praktiknya, Dato’ Abdullah berpendapat bahawa tanah orang Melayu yang sedia ada perlu dikekalkan dan disamping itu, kerajaan kolonial mestи mewujudkan tanah kosong yang sesuai sebagai Tanah Simpanan

17 FCP, 29 Februari 1927.

18 Ibid.

19 Lihat, misalnya, Ahmad Nazri Abdullah, *Melayu Dan Tanah* (Petaling Jaya: 1985).

20 Ibid., hlm. 193.

21 Zuraidah Haji Mohamed, nota kaki 79, hlm. 39.

Melayu. Keutamaan mesti diberikan kepada orang Melayu dalam usaha pembukaan tanah baru.<sup>22</sup> Hampir empat tahun selepas cadangan beliau dibuat, dianggarkan sebanyak 73 Tanah Simpanan Melayu telah diwujudkan yang merangkumi 18,264.24 hektar.<sup>23</sup> Menjelang 1941 kluasan Tanah Simpanan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu adalah lebih kurang 238,723.2 hektar.<sup>24</sup> Isu tanah dan masyarakat Melayu memang sering dibangkitkan oleh golongan berpendidikan Melayu terutama pada 1930-an. Umumnya mereka “bersetuju dengan rancangan kerajaan mengadakan Tanah Simpanan Melayu”.<sup>25</sup> Perlu diingat bahawa pada 1920-an dan 1930-an isu tanah bukanlah satu isu yang dominan. Ia adalah sebahagian daripada *package* atau keseluruhan tuntutan serta sungutan orang Melayu dalam konteks reaksi serta persepsi mereka terhadap apa yang difikirkan sebagai ancaman yang kian meningkat daripada orang-orang bukan Melayu. Kepercayaan serta mentaliti demikian rupa amat ketara dan lantang disebarkan serta dilaungkan oleh bukan saja pemimpin-pemimpin Melayu seperti Dato' Abdullah tetapi juga oleh akhbar-akhbar Melayu.<sup>26</sup> Perasaan tertindas telah menjadi lebih mendalam apabila kemelesetan ekonomi 1929—33 melanda Negeri-Negeri Melayu terutama isu hutang piutang orang Melayu, khususnya petani-petani Melayu adalah amat ketara sekali.<sup>27</sup>

Sehubungan dengan isu Tanah Simpanan Melayu, Dato' Abdullah juga sering memberi saranan kepada pentadbiran British supaya penglibatan orang Melayu dalam kegiatan menanam padi dipergiatkan lagi. Pada beliau, beras adalah makanan utama penduduk Tanah Melayu dan justeru itu, pengeluaran padi perlu diberi perhatian dalam bentuk dasar. Beras tidak perlu diimport juka pengeluaran tempatan mencukupi atau pun ada lebihan. Namun begitu, Dato' Abdullah sedar bahawa di antara kekurangan beras di Tanah Melayu adalah keuntungan yang kecil daripada penanaman padi dan imigrasi orang-orang bukan Melayu. Lantaran itu beliau sentiasa menasihat kerajaan kolonial supaya merancang dan melaksanakan dasar untuk meningkatkan pengeluaran padi tempatan.<sup>28</sup>

Pada 31 Oktober 1933 pentadbiran kolonial telah memperkenalkan cukai sebanyak 15 sen sepikul ke atas beras yang diimport.<sup>29</sup> Asas cukai tersebut adalah untuk membayai projek-projek pembangunan kawasan padi di Negeri-Negeri Melayu. Cukai tersebut telah menimbulkan kemarahan orang-orang bukan Melayu, terutama masyarakat Cina. Misalnya, seorang

22 FCP, Februari 1927 dan Lim Teck Ghee, *Peasants And Their Agricultural Economy In Colonial Malaya, 1874—1941* (Kuala Lumpur 1977), hlm. 167—8.

23 FCP 1931. Angka-angka tersebut berdasarkan jawapan pihak kolonial kepada soalan yang ditimbulkan oleh Dato' Abdullah di majlis tersebut.

24 Ahmad Nazri Abdullah, *Melayu Dan Tanah*, hlm. 182.

25 Ibid., hlm. 197.

26 Lihat, misalnya, Ahmad Nazri Abdullah, “Isu Decentralisasi dalam Akhbar-akhbar Melayu 1930-an”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No. 10, 1981 dan Abdul Latiff Abu Bakar, “Akhbar, Decentralisasi dan Persatuan Negeri Melayu” dalam Khoo Kay Kim, penyunting, *Sejarah Masyarakat Melayu Modern* (Kuala Lumpur: 1985).

27 Ini jelas dilihat daripada pelbagai surat-surat, laporan-laporan serta memorandum rasmi di sekitar 1929—33. Lihat juga Roff, *Origins of Malay Nationalism*, hlm. 204—207; Lim Teck Ghee, Peasants..., 212—213.

28 Berdasarkan ucapan-ucapan Dato' Abdullah antara 28 Februari 1927—31 Oktober 1933 di Majlis Persekutuan, *FCP 28 February 1927 — 31 October 1933*. Oleh kerana minat dan pandangan beliau tentang sektor padi tempatan Dato' Abdullah telah dilantik menjadi salah seorang daripada ahli Jawatankuasa Penanaman Padi (*Rice Cultivation Committee*) di peringkat “nasional” pada 1930.

29 FCP, 31 Oktober 1933.

pemimpin Cina, Lai Tet Loke berpendapat bahawa cukai yang berkenaan hanya dikenakan ke atas beras Siam dan Burma yang digemari oleh masyarakat Cina.<sup>30</sup> Berhadapan kritikan-kritikan ini Dato' Abdullah telah berdiri tegas menyokong usaha kerajaan. Menurut beliau:

.... this support is given only if the government can definitely guarantee that the proceeds of this tax will be specifically used for the benefit of the rice industry....<sup>31</sup>

Di sekitar 1933—34 dianggarkan \$500,000 telah dikutip melalui cukai yang kontroversial itu. Malah, Jabatan Parit dan Talair telah dapat meluaskan kegiatannya di samping penyelidikan yang dijalankan untuk memperolehi benih-benih padi yang lebih bermutu.<sup>32</sup> Pandangan-pandangan Dato' Abdullah tentang Tanah Simpanan Melayu dan pengeluaran padi memang ada hubungan. Contohnya, beliau berpendapat bahawa adalah amat penting keseluruhan kawasan tanah yang berpotensi untuk ditanam padi dijadikan Tanah Simpanan Melayu.<sup>33</sup> Barangkali apa yang difikirkan oleh Dato' Abdullah adalah tanah dan pertanian, khususnya penanaman padi adalah asas kehidupan ekonomi Melayu terutama di kawasan kampung. Oleh demikian tanah dan penanaman padi tidak boleh dipisahkan seolah membawa erti adanya satu bentuk hubungan simbiotik dalam alam ekologi Melayu.

Pendidikan anak-anak Melayu tidak juga tersisih daripada pemikiran Dato' Abdullah semasa beliau menjadi Undang Rembau. Pada beliau pendidikan yang sesuai dan baik adalah "asas kemajuan bangsa Melayu."<sup>34</sup> Kepercayaan ini dipraktikkan di Rembau dengan pembukaan sekolah Melayu wanita dan sekolah pertukangan tangan (*trade school*). Selain dari itu satu sumbangan penting oleh Dato' Abdullah yang inovatif adalah penubuhan *Waris Fund* atau satu dana/wang terkumpul yang bertujuan membantu anak Waris melanjutkan pendidikan hingga ke sekolah menengah.<sup>35</sup> Mungkin ini merupakan satu contoh awal apa yang disebut yayasan atau *foundation* di masa kini. Kebajikan dan kemajuan orang Melayu difikirkan oleh Dato' Abdullah sebagai sangat bergantung kepada pendidikan. Maka tidak hairanlah beliau selalu mengingatkan pentadbiran Kolonial supaya membuka lebih banyak sekolah dan mengambil lebih ramai pelajar Melayu. Tambahan pula dengan peredaran masa makin lama makin ramai orang Melayu telah mendapat pendidikan melalui sistem sekolah tajaan kerajaan:

I think .... the Government's policy is one which no reasonable person, who is aware of the progress that the younger generation of Malays have made in the field of education, can find cause of quarrel with .... But times have changed. During the last fifteen or twenty years, the Malays have made considerable progress in education, with the result that today we find a body of qualified men who are anxious to take their proper and due share in the administration of the country.<sup>36</sup>

<sup>30</sup> Ibid.

<sup>31</sup> Ibid.

<sup>32</sup> Lim Teck Ghee, *Peasants....*, him. 190.

<sup>33</sup> Rider To The Report By The Honourable The Undang of Rembau, *Report Of The Rice Cultivation Committee*, Vol. I (Kuala Lumpur: 1931), him. 47(?).

<sup>34</sup> Zuraiddah Haji Muhammed, him. 39.

<sup>35</sup> Ibid., 39—40.

<sup>36</sup> FCP, 1931.

Dilihat dari sudut sejarah perkembangan pendidikan di Tanah Melayu, isu pendidikan memang ditekankan secara berterusan oleh golongan berpendidikan/elit Melayu.<sup>37</sup> Adakah *obsession* dengan pendidikan ini satu manifestasi sensitiviti Melayu tentang iklim politik, ekonomi dan sosial pada 1920-an dan 1930-an ataupun boleh dilihat dalam konteks lain? Mengenai perkara ini Za'ba telah menulis bahawa masyarakat Melayu memang ketinggalan bukan saja dalam pendidikan tetapi serba-serbinya: “*The Malays, as a whole, are a particularly poor people .... Poor in money, poor in education, poor in intellectual equipment and moral qualities, they cannot be other wise but left behind in the march of nations.... The poverty of the Malays is an all-round poverty*”<sup>38</sup>. Namun begitu pendapat Za'ba adalah *impressionistic* walaupun beliau berani melemparkan kritikan ke atas masyarakat sendiri.

Tahun-Tahun 1920-an dan 1930-an telah menyaksikan banyak pergelakan dalam perkembangan kesedaran Melayu. Tambahan pula dikatakan bahawa pada zaman antara perang “*Malay society .... was deeply concerned with the subject of change.*”<sup>39</sup> Boleh dikatakan bahawa pengalaman pada tahap tersebut adalah reaksi masyarakat Melayu terhadap keseluruhan perkembangan dalam arena politik, ekonomi dan sosial di Tanah Melayu. Reaksi ini mencerminkan persepsi dan pandangan dunia golongan berpendidikan Melayu khususnya tentang status atau kedudukan mereka berhadapan dengan kedudukan bangsa-bangsa lain. Pandangan yang berdasarkan perbandingan ini (*comparative view*) meningkatkan lagi kesedaran orang Melayu dalam arus perubahan dan kesinambungan sejarah masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, peranan dan sumbangan golongan berpendidikan Melayu pada tahap berkenaan perlu juga dikaitkan kepada turun-naik kegiatan ekonomi. Ini amat ketara apabila dilihat bagaimana zaman meleset 1920—21 dan 1929—33 telah menggugat dasar-dasar kolonial tentang penanaman padi dan Tanah Simpanan Melayu. Isu-isu ini seterusnya telah dibangkitkan oleh golongan elit/berpendidikan Melayu termasuk Dato' Abdullah. Dalam ertikata lain, memang ada hubungan antara pandangan dan idea pemimpin serta golongan berpendidikan Melayu pada zaman tersebut dengan perkembangan ekonomi tempatan dan juga diperingkat antarabangsa/*global*.

Oleh demikian dapat disimpulkan bahawa peranan Dato' Abdullah di peringkat daerah Rembau dan persekutuan bukanlah satu bentuk atau contoh nasionalisme yang *simple*. Apakah nasionalisme itu? Bagaimanakah nasionalisme Melayu berbeza dengan bangsa lain? Apakah perbezaan antara nasionalisme dan patriotisme? Persoalan-persoalan asas ini perlu ditelitian secara *rigorous* dan *balanced* sebelum konsep nasionalisme Melayu boleh

37 Untuk keterangan lanut, lihat Khoo Kay Kim dan Mohd. Fadzil Othman, penyunting, *Pendidikan Di Malaysia Dahulu Dan Sekarang* (Kuala Lumpur: 1981) dan Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British* (Kuala Lumpur: 1974).

38 Dipetik daripada artikelnya, “The Poverty of the Malays”, *Malay Mail*, Disember 1, 1923 dalam Roff, *Malay Nationalism*, hlm. 151.

39 Khoo Kay Kim, “Recent Malaysian Historiography”, *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. X, No. 2, September 1979, hlm. 256.

digunakan secara efektif.<sup>40</sup> Lagi pun di bawah konsep/idea nasionalisme ada pula cabang-cabangnya. Secara *tentative* dan umum boleh dikatakan bahawa pandangan serta usaha Dato' Abdullah dikategorikan di bawah bentuk *plaintive nationalism*.<sup>41</sup> Secara umum intipati kategori tersebut merangkumi permintaan untuk diasimilasikan ke dalam masyarakat kolonial disesuatu koloni.<sup>42</sup> Ia berbeza dengan *cultural nationalism* yang biasanya adalah tahap pertama dalam perkembangan pemikiran politik negara Dunia Ketiga. “*Cultural nationalism*” pada asasnya adalah “*nothing more than the colonized's plea for acceptance by the colonizer as a cultural man rather than a culture — less beast*”<sup>43</sup> Namun begitu penggunaan kategori-kategori berkenaan harus dilakukan secara longgar dan bertujuan untuk memudahkan analisis.

Dato' Abdullah telah menyatakan dengan jelas dan konsisten isu-isu ekonomi dan sosial yang mencabar orang Melayu pada 1920-an dan 1930-an. Jika diringkaskan sumbangan-sumbangan beliau dan Raja Chulan apa yang disebutkan oleh Roff amat menarik sekali:

“... their frequent and pungent contributions in debate lent some coloration to the prevalent Malay belief that “politics” could be left to the traditional elite.”<sup>44</sup>

Beliau telah meninggal dunia pada 1939.

40 Misalnya, menurut satu sumber lain idea atau konsep *nasionalisme Melayu* adalah tidak tepat. Lihat John Gullick and Bruce Gale, *Malaysia: Its Political and Economic Development* (Petaling Jaya: 1986), hlm. 40.

41 Idea ini diambil daripada Gideon-Cyrus M. Mutiso and S.W. Rohio, eds., *Readings in African Political Thought* (London: 1975), hlm. xii.

42 Ibid.

43 Ibid., hlm. xi.

44 Roff, *Malay Nationalism*, hlm. 202.